

RUJUKAN/ <i>Reference</i>	UniMAP/AMD/108/1/6 (11)
TARIKH / <i>Date</i>	26 Januari 2023
KEPADA / <i>To</i>	Semua Pelajar Universiti Malaysia Perlis <i>All UniMAP's Student</i>
DARIPADA / <i>From</i>	Unit Peperiksaan & Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Pusat Pengurusan Akademik <i>Examination &amp; Graduation Unit, Academic Management Division, Academic Management Centre</i>
PERKARA / <i>Title</i>	SLIP PEPERIKSAAN BAGI PELAJAR PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SEMESTER 1 SIDANG AKADEMIK 2022/2023 <i>EXAMINATION SLIPS FOR BACHELOR'S DEGREE PROGRAMME STUDENTS SEMESTER 1 ACADEMIC SESSION 2022/2023</i>

Merujuk kepada perkara di atas.

*With regards to the above subject matter.*

2. Dimaklumkan bahawa akses untuk semakan dan cetakan slip peperiksaan kepada pelajar-pelajar program pengajian Ijazah Sarjana Muda dibuka mulai **27 Januari 2023 (Jumaat)**.

*Access will be allowed on 27 January 2023 (Friday) for Bachelor's Degree Programme students to review and print their examination slips.*

3. Slip peperiksaan boleh dicetak terus daripada Portal Pelajar iaitu Online Student Information di pautan <http://osi.unimap.edu.my>. Pelajar-pelajar perlu mengakses menu Peperiksaan - Slip Peperiksaan Semasa Ijazah.

*The examination slips can be printed directly from the Online Student Information website <http://osi.unimap.edu.my>. Students will need to access the Examination - Current Exam Slip Degree menu.*

4. Sekiranya terdapat kesilapan pada slip peperiksaan tersebut, sila bawa bersama slip peperiksaan dan slip pendaftaran kursus (sebagai bukti) ke Unit Peperiksaan & Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Pusat Pengurusan Akademik, Aras Bawah Canselori Tuanku Syed Sirajuddin. Sebarang pembetulan pendaftaran kursus perlu dilakukan selewat-lewatnya pada **3 Februari 2023 (Jumaat)**.

*If any errors are detected on the examination slip, please bring the exam slip and the course registration slip (as proof) to Examination & Graduation Unit, Academic Management Division, Academic Management Centre, Ground Floor Tuanku Syed Sirajuddin Chancellery. Corrections to course registrations should be made at the latest by 3 February 2023 (Friday).*

5. Semua pelajar dikehendaki membawa slip peperiksaan ini bersama kad matrik pelajar/cetakan kad matrik maya pelajar/kad pengenalan pelajar ke dewan peperiksaan. Pelajar yang gagal membawa bersama slip peperiksaan semasa hari peperiksaan tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan.

*All students are required to bring exam slip along with the student matric card/printout of the student virtual matric card/student identification card to the examination hall. Students who fail to produce an examination slip on the day of their exam will be barred from entering the exam hall.*

6. Pelajar juga diingatkan untuk menjelaskan yuran pengajian. Kegagalan menjelaskan yuran pengajian akan menyebabkan pelajar dihalang untuk mengakses ke menu Slip Peperiksaan Semasa sehingga bayaran yuran pengajian diselesaikan.

*Students are reminded to make a full payment of their tuition fees. Students who have not paid will be barred from accessing the Current Examination Slip menu until the full tuition fees payment has been made.*

7. Sebarang masalah teknikal berkaitan sistem, sila hubungi Helpdesk di talian 04-9414401/9414402/9414403 atau e-mel kepada [helpdesk@unimap.edu.my](mailto:helpdesk@unimap.edu.my).

*If you experience any technical problems please contact the Helpdesk at 04-9414401/9414402/9414403 or kindly send an email to this email address: [helpdesk@unimap.edu.my](mailto:helpdesk@unimap.edu.my).*

Sekian. Terima kasih.

*Thank you and kind regards.*

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
‘Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan’**

#### **UNIT PEPERIKSAAN DAN PENGIJAZAHAN**

Bahagian Pengurusan Akademik

Pusat Pengurusan Akademik

Universiti Malaysia Perlis

Tel. : 04-9414057/ 9414064

E-mel : [unitpeperiksaan@unimap.edu.my](mailto:unitpeperiksaan@unimap.edu.my)